- (e) The provisions of the Bank's Maybank2u kiosks and all computer devices and/or terminals (Property) available for the Customer's use at our branches are specially for the Customer's use and access of Maybank2u Biz only and the Customer shall not use the Property for or in connection with any illegal purpose or activity.

19. SUSPENSION OR TERMINATION

- (a) Notwithstanding anything herein to the contrary, the Bank may at any time, suspend or terminate the Customer's right of access to Maybank2u Biz or any part thereof or of any medium it is made available under, for the breach or potential breach of any terms herein, laws and/or regulations and/or to ensure or maintain the security of Maybank2u Biz and its other users where the Bank deems appropriate.
- (b) The Bank shall automatically terminate the Customer's right of access to Maybank2u Biz or to any medium it is made available under (as applicable), should the Customer cease to maintain any Account(s) with the Bank which can be accessed via Maybank2u Biz or the applicable medium or should the Customer's access to such Account(s) be restricted by the Bank or any other party for the breach or potential breach of any terms herein, or of any laws and/or regulations and/or to ensure or maintain the security of Maybank2u Biz and its other users where the Bank deems appropriate.
- (c) In the event that any of the Customer's user(s) does not login to Maybank2u Biz for a continuous period of six (6) months, the said user(s)' Maybank2u Biz access shall be deemed inactive and subsequently, in the event it remains idle for a period of twelve (12) months from the user(s)' last login, the said user(s)' Maybank2u Biz access shall be automatically deactivated.
- (d) The Customer may terminate Maybank2u Biz by giving a duly executed letter of termination detailing all relevant details pertaining to its access and use to Maybank2u Biz together with a mandate, circular resolution or minutes of meeting (as applicable)

authorising the said termination. The Customer's subscription to Maybank2u Biz shall be cancelled within seven (7) days from the date of the Bank's receipt of all the relevant duly executed letters and documents as aforementioned and the Customer agrees that the Bank shall not be obliged to effect any of the Customer's Instructions received from any of its user(s)' on any day falling after the receipt of the Customer's notice of termination.

- (e) Except in the instances as stated above, the Bank reserves the right to terminate the Customer's subscription and/or any of its user(s) access to Maybank2u Biz provided the Bank gives the Customer twenty one (21) days prior written notice.
- (f) The Customer acknowledges that termination shall not affect the Customer's liability or obligations in respect of Instructions provided to and/or processed by the Bank on the Customer's behalf.

20. INDEMNITY

- (a) The Customer hereby agrees to be liable for and to fully indemnify and keep the Bank fully indemnified from and against any and all claims, losses, liabilities, cost and expenses (including but not limited to any legal fees) arising directly or indirectly or which may arise out of:
 - (i) the Customer's or any of its user(s)' breach or violation of these Terms and Conditions or any third party rights;
 - (ii) the Customer's or any of its user(s)' use or purported use of Maybank2u Biz;
 - (iii) the Customer's or any of its user(s)' fraudulent acts;
 - (iv) the Customer's or any of its user(s)' disclosure of Access Codes to any other person or in any emails or on other websites;
 - (v) the Customer's or any of its user(s)' failure to take reasonable steps to keep the Access Codes private and/or secure at all times;
 - (vi) the Customer's or any of its user(s)' failure to report a breach, disclosure or compromise of the Access Codes as soon as reasonably practicable upon being aware of the breach or loss respectively;
 - (vii) the Bank discharging a mandate provided by the Customer or any of its user(s)';
 - (viii) the Bank carrying out Instructions provided by the Customer or any of its users via any of their Access Codes;
 - (ix) the Bank enforcing its rights against the Customer; or
 - (x) the Bank complying with any court judgment or any court order, or any decree or directive or order whether or not having the force of law issued by any legally constituted tribunal body entity or authority, arising from any court actions or court proceedings or from any other proceedings, actions or claims other than that of a court and which are applicable to or directed to or in any way related to the Customer.

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

- (b) The Customer's liability and obligation to indemnify hereinabove however shall not apply to the extent that the same arises from:
- (i) Maybank Group's failure to notify the Customer of the Customer's obligations to ensure the confidentiality and security of the Access Codes of the Customer's user(s), as well as of the Customer's obligation to immediately inform Maybank Group in the event a breach, disclosure or compromise of the same;
 - (ii) Maybank Group's failure to provide the Customer with adequate means to notify the Bank of any unauthorized or disputed transactions;
 - (iii) a technical breakdown or proven deficiency in the systems and equipment under the full control of the Bank;
 - (iv) a proven weakness or vulnerability in the security features and controls adopted by the Bank;
 - (v) transaction(s) that occurred after the Bank has been notified by the Customer of an unauthorised transaction or of the breach, disclosure or compromise of any of its user(s)' Access Codes, provided that the said breach, disclosure or compromise was not due to the Customer's or any of its user(s)' own act or omission or the acts or omission of persons or entities under its control;
 - (vi) transaction(s) that occurred immediately prior to the Bank being notified by the Customer of the unauthorised transaction or of the breach, disclosure or compromise of any of its user(s)' Access Codes provided that the said breach, disclosure or compromise of the Access Codes was not due to the Customer's or any of its user(s)' own act or omission (or the acts or omission of persons or entities under its control) and that the notification was made forthwith and without delay; and
 - (vii) transaction(s) that occurred prior to the Customer or its user(s)' receiving any Access Codes in relation to the transaction; or
 - (viii) where applicable, Access Codes that are forged, faulty, expired or cancelled provided that they are not due to the Customer's or any of its user(s)' own acts or omissions or the acts or omission of persons or entities under its control.

21. NOTICES

- (a) The Customer hereby consents to all notices and other communications which concern Maybank2u Biz or are required under these Terms and Conditions, to be given by the Bank in any one of the following manners:
- (i) By ordinary post to the Customer's last address in the Bank's records and such notification shall be deemed received two (2) days after posting.
 - (ii) By electronic mail to the Customer's or its user's last known e-mail address in the Bank's records and such notification shall be deemed received twenty four (24) hours after sending.

- (iii) By being displayed on the Bank's premise and such notification shall be deemed effective upon such display.
 - (iv) By way of advertisement made once in any national newspaper and such notification shall be deemed effective on the date of publication of the advertisement in any such newspaper.
 - (v) By inserting a notice in the Bank's statement of Account to the Customer and such notification shall be deemed effective two (2) days after the date of posting of the notice contained in the statement of Account to the Customer.
 - (vi) Broadcasting a message on the Maybank2u.com website.
 - (vii) By notification to the Customer in any other manner as the Bank deems fit.
- (b) All notices to the Bank concerning Maybank2u Biz and these Terms and Conditions shall be in writing, signed by the Customer and sent to the Bank at the following address or in such other way as the Bank may notify the Customer from time to time:

Malayan Banking Berhad

Service Fulfilment Unit
Virtual Banking & Payment
Maybank Group Customer Care
Lot 12 Jalan Astaka U8/84
Seksyen U8, Bukit Jelutong
150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Telephone no.: 1300-88-6688

Overseas telephone no.: +603-78443696

Fax no.: 1300-88-8899

Email address: mgcc@maybank.com.my

22. FORCE MAJEURE

- (a) The Bank shall not be liable to the Customer or any third party for any inconvenience, injury, expense, liability, damages, loss of profits, earnings or goodwill if the Bank is unable to perform any of its obligations hereunder or to provide any of the services due to Force Majeure.

23. SEVERABILITY AND WAIVER

- (a) If any Terms and Condition are found to be illegal or prohibited, they shall be ineffective only as to the illegal or prohibited parts of such Terms and Conditions. The remaining Terms and Conditions shall not be affected.
- (b) Any waiver or indulgence granted shall not prevent the Bank from enforcing the other parts of the Terms and Conditions which are unaffected by such waiver or indulgence, or from enforcing any other rights nor shall it require the Bank to grant further indulgence. The rights and remedies provided by law are not excluded by these Terms and Conditions

24. VARIATIONS

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

(a) The Customer acknowledges that (among others) to ensure the smooth and efficient provision of Maybank2u Biz and/or to improve Maybank2u Biz, the Bank shall have the right and discretion to make such amendments and modifications as it deems necessary to:

- (i) the procedures and processes applicable to Maybank2u Biz (i.e. procedure for registration of Maybank2u Biz, registration and activation of users, etc.); and
- (ii) the trade or service names used in relation to Maybank2u Biz as referred to in these Terms and Conditions. Notwithstanding the same, the Customer hereby agrees that pending actual changes being effected to these Terms and Conditions, the said Terms and Conditions shall nevertheless continue to be applicable to Maybank2u Biz whereby the amended or modified procedures and processes and/or new trade or services names shall be deemed to replace the previous procedures and processes and/or new trade or services names, accordingly.

25. DISPUTE AND ENQUIRIES

- (a) If the Customer has any enquiries or require any assistance, please refer to our helpdesk at 1-300-88-6688 or +603-7844 3696 (if the Customer is overseas). In addition, the Customer is advised to review our Privacy Policy, Security Statement and Client Charter in the Maybank2u.com website.
- (b) In the event that the Customer has any complaints and/or disputes arising from Maybank2u Biz and these Terms and Conditions, please refer the matter to the Bank at the address stated in Clause 21 (b) above.
- (c) The Customer shall specify the nature of the Customer's query, complaint and/or dispute and such other details or information as may be required by the Bank and such complaint and/or dispute shall be investigated, handled and/or resolved in accordance with the Bank's complaints and dispute resolution procedure.
- (d) In relation to the Bill payment service, where the query, complaint and/or disputes are the results of errors, acts or omissions of the Payee Corporation, the matter shall be escalated to the relevant Payee Corporation in which event all such queries, complaints and disputes are to be settled between the Payee Corporation and the Customer. The Bank's role in relation thereto shall be limited to the provision of relevant information only.
- (e) The Customer undertakes that any such complaints and/or disputes made by the Customer are true and legitimate and the Customer acknowledges that the Customer shall be liable to the Bank in relation to false or fraudulent complaints or claims.

26. LAW AND JURISDICTION

- (a) These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and the Customer hereby consent and submit to the exclusive jurisdiction and venue of the courts in Malaysia in all disputes arising out of or

relating to the use of Maybank2u Biz. The above shall apply notwithstanding the access location of the Customer and/or any of its user(s)

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

Bermula dari 1 April 2016

1. TERMA DAN SYARAT

(a) Terma dan syarat di dalam ini dan apa-apa semakan atau pindaan kepadanya ("**Terma dan Syarat**"), terpakai kepada akses dan penggunaan produk dan perkhidmatan perbankan yang disediakan dalam talian oleh Malayan Banking Berhad ("**Bank**") dan anak-anak syarikatnya, sama ada melalui internet, medium mudah alih, atau mana-mana medium elektronik yang lain (dirujuk di dalam ini sebagai "**Maybank2u Biz**"), kepada pelanggan-pelanggan perniagaan kecilnya termasuk (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

- (i) Perkongsian
- (ii) Profesional
- (iii) Syarikat sendirian berhad (Sdn Bhd)
- (iv) Kelab-kelab, persatuan dan pertubuhan (Dirujuk di dalam ini sebagai "**Pelanggan**").

(b) Terma dan Syarat ini akan terpakai setelah permohonan dibuat dengan berjaya dan log masuk kali pertama oleh mana-mana pengguna Pelanggan dan akan terus mengikat Pelanggan dan semua pengguna-penggunanya sehingga penamatan langganan Pelanggan tersebut kepada Maybank2u Biz selaras dengan terma-terma di dalam ini.

(c) Dari semasa ke semasa, Bank mungkin perlu menyemak semula Terma dan Syarat ini, di mana Bank akan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari melalui cara yang dianggap sesuai oleh Bank. Jika Pelanggan memilih untuk terus menggunakan Maybank2u Biz selepas semakan kepada Terma dan Syarat tersebut, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat yang disemak semula dengan sewajarnya. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan semakan tersebut, Pelanggan hendaklah menamatkan langganan kepada Maybank2u Biz secara bertulis mengikut terma di dalam ini dan berhenti menggunakan Maybank2u Biz.

(d) Selagi Pelanggan melanggan Maybank2u Biz, Pelanggan tersebut dan semua pengguna-penggunanya hendaklah mematuhi Terma dan Syarat di dalam in serta terma dan syarat yang mentadbir:

- (i) produk dan perkhidmatan yang berkenaan yang disediakan oleh Bank dan sekutu-sekutunya di bawah ini ("**Perkhidmatan Perbankan**"); dan
- (ii) akaun perbankan, instrumen pembayaran yang ditetapkan, instrumen pembayaran Pelanggan atau mana-mana akaun lain Pelanggan yang bersama Bank (selepas ini dirujuk sebagai "**Akaun**") sebagaimana yang mungkin dipautkan/diakses melalui Maybank2u Biz; atau
- (iii) apa-apa akaun lain Pelanggan dengan bank lain, sekutu, pengebil atau syarikat penerima bayaran yang lain atau mana-

mana pihak ketiga lain (dirujuk di dalam ini sebagai "**Akaun Pihak Ketiga**") sebagaimana yang mungkin dipautkan/diakses melalui Maybank2u Biz.

(e) Jika terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat Perkhidmatan Perbankan dan terma dan syarat Akaun atau Akaun Pihak Ketiga yang boleh diakses melalui Maybank2u Biz (selepas ini dirujuk sebagai "**Terma Akaun**") sebagaimana yang dirujuk dalam Fasal 1 (d) di atas, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

(f) Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan di dalam ini, Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia dan badan-badan lain yang berkaitan yang dibuat menurut undang-undang yang berkenaan.

(g) Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa ketersediaan dan ketersediaan berterusan perkhidmatan Maybank2u Biz dan mana-mana Perkhidmatan Perbankan yang ditawarkan oleh Bank di dalamnya, sama ada sekarang atau pada masa hadapan akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut.

(h) Di mana Pelanggan mengendalikan Akaun semasa atau deposit dengan Bank untuk tujuan, antara yang lain, memegang atau menerima wang untuk seseorang yang Pelanggan tersebut bertindak untuk, sama ada sebagai seorang peguam cara atau berkaitan dengan praktis Pelanggan tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "**Akaun Klien**") Pelanggan seterusnya bersetuju dan mengaku janji bahawa Pelanggan akan pada setiap masa mematuhi dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi Peraturan 8 (4) Kaedah-Kaedah Akaun Peguamcara 1990 serta Bahagian F Notis 4 berkenaan dengan Kaedah-Kaedah Pembayaran Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan (antara lain) pengasingan dana antara klien pemastautin dan bukan pemastautin.

2. JENIS AKSES

(a) Jenis-jenis akses yang disediakan kepada Pelanggan di bawah Maybank2u Biz adalah seperti berikut:

- (i) **Tatapan Sahaja** - Akses ini membenarkan Pelanggan dan penggunanya untuk melihat butiran Akaun sahaja. Tiada transaksi dibenarkan di bawah jenis akses. ini.
- (ii) **Pembuat (Maker)** - Akses ini membenarkan tatapan butiran Akaun dan juga permulaan

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

transaksi di bawah Maybank2u Biz (selepas ini dirujuk sebagai "**Pembuat**").

- (iii) **Penyemak (Checker)** - akses ini membenarkan tatapan butiran Akaun serta semakan dan kelulusan transaksi yang dimulakan oleh Pembuat (selepas ini dirujuk sebagai "**Penyemak**").
 - (iv) **Standard** - Akses ini membenarkan penatapan butiran Akaun dan juga pelaksanaan transaksi oleh pengguna tunggal (tanpa fungsi Pembuat atau Penyemak) setakat maksimum tiga (3) pengguna. Walaubagaimanapun pendaftaran untuk jenis akses ini hanya disediakan sehingga 31 Mac 2016. Namun demikian, Pelanggan yang sedia ada boleh terus menggunakan akses Standard tersebut tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam ini, termasuk sekatan ke atas perubahan pada senarai kegemaran atau 'favourites' Pelanggan seperti yang dinyatakan di dalam Fasal 9 (b) dan 10 (f) di sini.
- (b) Langganan Maybank2u Biz, yang menggunakan kedua-dua akses Pembuat dan Penyemak memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) pengguna dan membenarkan sehingga maksimum lima (5) pengguna yang terdiri daripada kedua-dua Pembuat dan Penyemak, di mana seseorang pengguna tidak boleh memegang kedua-dua fungsi Pembuat dan Penyemak tersebut. Walau apa pun di atas, di mana Pelanggan adalah sebuah kelab, pertubuhan atau persatuan, sekurang-kurangnya tiga (3) Pengguna minima dikehendaki, yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu (1) Pembuat dan dua (2) Penyemak.

3. PROSES PERMOHONAN

- (a) Untuk memohon Maybank2u Biz, Pelanggan adalah dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan Maybank2u Biz ("**Borang Permohonan**") yang boleh didapati di Maybank2u.com atau di mana-mana cawangan Bank. Bergantung kepada jenis pelanggan, yang sesetengahnya disenaraikan di dalam Fasal 1 (a) di atas, Pelanggan juga dikehendaki untuk menyediakan dokumen lain bagi menyokong permohonan tersebut (yang membenarkan permohonan tersebut dibuat dan yang menamakan dan membutirkan pengguna-penggunanya) yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (i) Surat mandat yang ditandatangani oleh semua rakan kongsi (cth. untuk perkongsian, profesional.);
 - (ii) Satu resolusi pekeling yang ditandatangani oleh semua pengarah Pelanggan (cth. untuk syarikat sendirian berhad.);

- (iii) Minit mesyuarat untuk mesyuarat umum tahunan/jawatankuasa Pelanggan (cth. untuk kelab, pertubuhan dan persatuan).
- (b) Apabila menerima salinan cetak borang yang lengkap diisi dan dokumen-dokumen daripada Pelanggan, Bank akan menilai dan menyemak permohonan tersebut dengan sewajarnya dan justeru itu, tanpa perlu memberi sebarang alasan atau memberi maklumat mengenainya, sama ada menerima atau menolak permohonan Pelanggan tersebut, mengikut budi bicara mutlak yang tersendiri.
- (c) Di mana Bank meluluskan suatu permohonan, Bank akan mengeluarkan nombor pengenalan khusus untuk log masuk pertama kali pengguna yang berkenaan ke Maybank2u Biz (selepas ini dirujuk sebagai "**No. Akses**").
- (d) Setiap pengguna Pelanggan dikehendaki untuk memasukkan No. Akses masing-masing bersama-sama dengan nombor pengenalan peribadi yang diberikan kepada pengguna tersebut untuk log masuk pertama kali ke Maybank2u Biz (selepas ini dirujuk sebagai "**PIN**") melalui halaman log masuk yang berkenaan di laman web Maybank2u.com.
- (e) Apabila pengesahan No. Akses dan PIN pengguna(-pengguna) Pelanggan berjaya, pengguna tersebut adalah dikehendaki untuk mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan mereka masing-masing. Bagi mengelakkan keraguan, istilah "Nama Pengguna" dan "Kata Laluan" mempunyai takrifan yang berikut:
- (i) "**Nama Pengguna**" merujuk kepada nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dicipta oleh setiap pengguna Pelanggan dan yang perlu ditaipkan masuk oleh pengguna tersebut untuk membolehkan sistem Maybank2u Biz mengaitkan Nama Pengguna tersebut dengan profil Pelanggan dan Akaun(-Akaun)nya.
 - (ii) "**Kata Laluan**" merujuk kepada rentetan aksara unik yang dicipta oleh setiap pengguna Pelanggan dan yang harus hanya diketahui oleh pengguna tersebut dan direkodkan dalam sistem komputer Bank, yang perlu ditaipkan masuk oleh pengguna yang berkaitan untuk pengesahan Nama Pengguna dan pemberian akses Maybank2u Biz kepada Pelanggan tersebut
- (f) Apa-apa perubahan kepada pengguna bernama dan di mana berkenaan, jenis pengguna mereka (iaitu sama ada Pembuat atau Penyemak), hendaklah dibuat melalui penyerahan Borang Permohonan yang baru oleh Pelanggan kepada Bank memperincikan semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan perubahan tersebut.
- (g) Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk membatalkan Nama Pengguna dan

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

Kata Laluan mana-mana penggunaanya untuk pelanggaran atau pelanggaran berpotensi mana-mana terma di dalam ini, atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Maybank2u Biz dan pengguna-penggunaanya yang lain sepertimana yang dianggap wajar oleh Bank, dan bahawa Pelanggan tidak akan memegang Bank bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan mana-mana atau semua Nama Pengguna dan Kata Laluan pengguna(-pengguna) Pelanggan tersebut.

- (h) Pengguna(-pengguna) Pelanggan boleh menukar mana-mana Nama Pengguna dan Kata Laluan mereka pada bila-bila masa tetapi apa-apa perubahan tersebut akan berkuatkuasa jika diterima oleh pihak Bank. Pelanggan bersetuju bahawa Bank menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan untuk mengesahkan Pelanggan dan pengguna-penggunaanya dan mengaku janji untuk memastikan bahawa penggunaanya akan menyimpan Nama pengguna dan Kata Laluan masing-masing secara rahsia dan selamat dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah akses dan/atau penggunaannya yang tidak dibenarkan.
- (i) Apabila pengguna(-pengguna) Pelanggan telah log masuk, pengguna tersebut tidak boleh meninggalkan terminal atau peranti lain dari mana beliau telah mengakses perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa atau membiarkan orang lain menggunakannya, sehingga pengguna tersebut telah log keluar. Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap penggunaanya telah log keluar daripada perkhidmatan tersebut pada akhir setiap sesi.
- (j) Pihak Bank mungkin perlu meminta mana-mana Nama Pengguna, (tetapi bukan Kata Laluan mereka) pengguna(-pengguna) Pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan kepada Pelanggan. Jika Pelanggan, sama ada melalui pengguna-penggunaanya atau sebaliknya, membekalkan Bank dengan Nama Pengguna mana-mana penggunaanya, maka Bank hendaklah menyimpannya secara rahsia. PELANGGAN DAN PENGGUNANYA DIINGATKAN SUPAYA TIDAK BERKONGSI MANA-MANA KATA LALUAN MEREKA DENGAN SESIAPA.

4. MAYBANK2U BIZ

- (a) Setelah pengaktifan Maybank2u Biz, Pelanggan, melalui pengguna-penggunaanya boleh mengakses semua Akaun (yang dipilih oleh Pelanggan secara bertulis ke cawangan bank yang berkaitan, untuk dihubungkan dan

diakses melalui Maybank2u Biz) dan juga Perkhidmatan Perbankan yang pihak Bank dan sekutu-sekutunya mungkin sediakan kepada Pelanggan di Maybank2u Biz dari semasa ke semasa.

- (b) Sekiranya Bank memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru di bawah Maybank2u Biz, Bank akan menyediakannya tertakluk kepada terma-terma tambahan sepertimana yang mungkin dimaklumkan kepada Pelanggan.
- (c) Pelanggan bersetuju bahawa akses dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan di Maybank2u oleh Pelanggan bergantung kepada jenis akses yang dilangani oleh Pelanggan sepertimana yang dinyatakan di Fasal 2(a) di atas dan mengakui bahawa tidak semua Perkhidmatan Perbankan boleh diakses dan digunakan oleh Pelanggan.
- (d) Pelanggan bersetuju dan menerima bahawa sebarang arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan pengguna-penggunaanya berkenaan Akaun Pelanggan atau apa-apa transaksi lain, dengan menggunakan Maybank2u Biz (dirujuk sebagai "**Arahan**") akan pada setiap masa tertakluk kepada had dan syarat sepertimana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.
- (e) Di dalam kes yang membabitkan atau memerlukan persetujuan atau kebenaran pihak ketiga, kewajiban bank untuk melaksanakan mana-mana Arahan tersebut akan tertakluk kepada persetujuan dan kebenaran tersebut di diperolehi oleh Pelanggan.
- (f) Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun Pelanggan pada setiap masa untuk melaksanakan mana-mana Arahan Pelanggan seperti yang dikeluarkan oleh pengguna-penggunaanya.
- (g) Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Pelanggan untuk melaksanakan apa-apa transaksi seperti yang diarahkan oleh Pelanggan.

5. KEBENARAN

- (a) Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mematuhi semua Arahan yang diberikan dengan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan pengguna-pengguna Pelanggan, sebagai Arahan yang telah diberikan oleh Pelanggan walaupun ianya mungkin bercanggah dengan sebarang mandat lain yang diberikan pada bila-bila masa mengenai Akaun atau urusan Pelanggan.
- (b) Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan akan terikat kepada Arahan tersebut pada saat ianya dihantar kepada pihak Bank dan Arahan tersebut tidak boleh ditukar atau ditarik balik tanpa kebenaran dari pihak Bank dan pihak Bank tidak berkewajipan selanjutnya untuk

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

menyemak pengesahan bagi setiap Arahan tersebut.

6. ARAHAN

- (a) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa ianya menjadi kewajipan Pelanggan untuk memeriksa notifikasi, penyata dan rekod pihak Bank bagi arahan, komunikasi, operasi atau transaksi yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau yang telah dilakukan melalui Maybank2u Biz (selepas ini dirujuk sebagai "**Rekod Transaksi**") berkenaan apa sahaja transaksi Maybank2u Biz yang dimulakan daripada arahan Pelanggan, termasuk apa-apa pemberitahuan berkenaan dengannya, dari semasa ke semasa tanpa sebarang kelewatan dan secara kerap.
- (b) Jika Pelanggan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sebarang Arahan telah diterima oleh pihak Bank secara tidak tepat atau tidak sepenuhnya, Pelanggan perlu secara rasmi memaklumkan kepada pihak Bank dengan apa cara sekalipun dan tanpa sebarang penangguhan selepas penghantaran Arahan tersebut dibuat kepada pihak Bank.
- (c) Mana-mana Arahan kepada pihak Bank untuk pembatalan, penarikbalikan atau pindaan, atau penjelasan terhadap Arahan awal Pelanggan, hanya akan berkuatkuasa, sekiranya permintaan Pelanggan diterima dan dilaksanakan sebelum Arahan sebelum tersebut dilaksanakan.
- (d) Pihak Bank menyimpan hak mengikut budi bicaranya, untuk menolak untuk melaksanakan apa-apa Arahan Pelanggan di mana Arahan Pelanggan tidak selaras dengan dasar-dasar atau undang-undang Bank, atau untuk apa-apa sebab lain.
- (e) Apabila Pelanggan memberi Arahan kepada pihak Bank untuk melaksanakan transaksi berhubung dengan Maybank2u Biz, Pelanggan perlu memberi maklumat yang tepat dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank.
- (f) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab keatas apa-apa kegagalan, kelewatan atau kelemahan mana-mana pihak ketiga walau bagaimanapun disebabkan, dengan mana Pelanggan mempunyai akaun atau sebaliknya apabila mereka melaksanakan Arahan Bank kepada mereka.
- (g) Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang dikeluarkan oleh pengguna-pengguna Pelanggan walaupun dalam bentuk elektronik:
 - (i) adalah dokumen bertulis, dan Pelanggan bersetuju untuk tidak akan mempertikai atau mencabar keesahan atau kebolehuatkuasaan mana-mana Arahan tersebut berdasarkan ianya bukan satu dokumen bertulis, dan Pelanggan dengan

ini mengeneipkan mana-mana hak yang Pelanggan ada pada undang-undang;

- (ii) adalah dokumen asal dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mencabar kebolehmasukkan mana-mana Arahan atas alasan bahawa ianya dibuat dalam bentuk elektronik.

7. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN

- (a) Perkhidmatan Maybank2u Biz adalah bertujuan untuk disediakan 7 hari seminggu, 24 jam sehari kecuali perkhidmatan Pemindahan Telegrafik Luar Negara atau Foreign Telegraphic Transfer ("FTT") yang disediakan lima (5) hari seminggu dari 10 pagi hingga 5 petang. Walaubagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa mungkin terdapat masa ianya tidak dapat digunakan di mana pihak Bank menjalankan penyelenggaraan ke atas sistem dan peralatannya. Pihak Bank akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan tentang mana-mana atau semua produk dan/atau perkhidmatan di bawah Maybank2u Biz yang tidak dapat disediakan dari semasa ke semasa. Tambahan, transaksi yang membabitkan akses atau penggunaan sistem dari pihak ketiga, Pelanggan maklum bahawa waktu beroperasi bergantung kepada ketersediaan sistem tersebut.
- (b) Untuk maklumat tambahan mengenai waktu operasi (termasuk berkenaan perkhidmatan Interbank Giro (IBG)), sila rujuk jadual yang dipapar di laman web Bank di maybank2u.com atau di mana-mana cawangan Bank yang berdekatan.

8. AKAUN DAN MAKLUMAT PELANGGAN

- (a) Pihak Bank akan berusaha untuk memastikan maklumat berkenaan Akaun atau transaksi Pelanggan adalah tepat dan terkini seperti dilaporkan melalui Maybank2u Biz. Walaubagaimanapun, disebabkan kelewatan masa, ralat dan kelewatan dan kesilapan sistem yang sebagai dengannya, kami tidak dapat menjamin ketepatan dan keterkinian maklumat tersebut dan Pelanggan adalah dinasihatkan untuk menyemak secara lazim sebarang pemberitahuan, penyata atau notis yang dikeluarkan oleh Bank, untuk memastikan tiada kesilapan, ketidakteraturan, perbezaan, tuntutan atau item dan transaksi yang tidak dibenarkan, secara kerap dan dari semasa ke semasa seperti yang dikehendaki di Fasal 18 di bawah.
- (b) Pihak Bank akan mengeluarkan penyata akaun kepada Pelanggan sepertimana yang telah dipersetujui di dalam Terma Akaun Bank.
- (c) Pelanggan perlu memastikan bahawa maklumat yang Pelanggan berikan kepada Bank berhubung dengan Pelanggan, Akaun Pelanggan, Akaun Pihak Ketiga atau penggunaan Maybank2u Biz oleh Pelanggan

adalah benar, lengkap dan terkini. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat dan butiran Pelanggan, Pelanggan hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan segera.

- (d) Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan dikehendaki menanggung rugi pihak Bank keatas segala kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul akibat dari kegagalan atau kelewatan Pelanggan di dalam memberi kemaskini kepada pihak Bank mengenai segala perubahan maklumat dan butir-butir Pelanggan yang berkaitan dengan Pelanggan, Akaun Pelanggan, Akaun Pihak Ketiga atau penggunaan Maybank2u Biz oleh Pelanggan.

9. PEMBAYARAN BIL

- (a) Perkhidmatan pembayaran bil pihak Bank boleh digunakan hanya untuk pembayaran apa-apa bil, notis pembaharuan, notis bayaran, tuntutan bayaran, dan lain-lain (selepas ini dirujuk sebagai "Bil") oleh pengebil atau syarikat penerima bayaran yang telah berdaftar dengan dan/atau telah diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa ("Syarikat Penerima Bayaran"). Pelanggan bersetuju untuk mematuhi prosedur, keperluan dan terma terkini setiap Syarikat Penerima Bayaran berikut berkaitan dengan pembayaran Bil masing-masing.
- (b) Bagi Pelanggan yang mempunyai akses Standard ke Maybank2u Biz, perkhidmatan pembayaran Bil hanya terpakai berkaitan dengan Syarikat Penerima Bayaran yang dipilih sebagai "favourite" di dalam Borang Permohonan. Jumlah maksima Syarikat Penerima Bayaran "favourite" yang boleh dipilih adalah seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan atau sepertimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan kepada senarai favourite Pelanggan hendaklah dilakukan melalui penghantaran Borang Permohonan yang baru ke Bank oleh Pelanggan, yang membutirkan maklumat berkenaan dengan perubahan tersebut. Walaubagaimanapun, tiada lagi perubahan boleh dilakukan terhadap senarai 'favourite' Pelanggan yang mempunyai akses Standard, selepas 31 March 2016.
- (c) Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan pihak Bank, dalam format, bentuk dan/atau cara sebagaimana yang diarahkan oleh pihak Bank, akan segala perubahan kepada butir-butir Pelanggan sepertimana yang didaftarkan dengan Syarikat Penerima Bayaran sebelum membuat pembayaran mana-mana Bil Syarikat Penerima Bayaran.
- (d) Pihak Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memastikan bayaran Bil Pelanggan menepati masa dan pihak Bank juga tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk

memantau pembayaran Bil atau untuk memaklumkan mana-mana individu mengenai pembayaran lewat bagi apa-apa Bil.

- (e) Pihak Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk membantu menyelesaikan apa-apa pertikaian yang Pelanggan mungkin ada dengan mana-mana Syarikat Penerima Bayaran dan Pelanggan haruslah menyelesaikannya secara terus dengan Syarikat Penerima Bayaran yang berkaitan.

10. PEMINDAHAN DANA

- (a) Perkhidmatan pemindahan dana disediakan berkaitan dengan pemindahan dari Akaun Pelanggan bersama pihak Bank, yang dipilih kepada:
- (i) mana-mana Akaunnya yang lain bersama Bank;
 - (ii) akaun sendirinya di mana-mana bank lain;
 - (iii) akaun pihak ketiga bersama pihak Bank;
 - (iv) akaun pihak ketiga di mana-mana bank lain
- (b) Pemindahan Telegrafik Luar Negara atau Foreign Telegraphic Transfer (FTT) juga disediakan, seperti di Fasal 7 di atas. Semasa melaksanakan pemindahan dana, termasuk FTT, Pelanggan bersetuju dan berakujanji bahawa ia akan, pada setiap masa, mematuhi dan bertanggungjawab sepenuhnya keatas pematuhan notis-notis Bank Negara Malaysia di bawah Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration Rules) sepertimana yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia di laman webnya.
- (c) Arahan pemindahan dana akan tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan dan/atau disemak semula oleh pihak Bank atau pihak berkuasa yang berkaitan mengikut budi bicara mutlak mereka dari masa ke semasa.
- (d) Arahan pemindahan dana di mana Pelanggan memindahkan dana ke Akaun Pelanggan sendiri atau ke akaun pihak ketiga dengan mana-mana bank lain akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat dan/atau kelulusan Bank dengan mana akaun lain tersebut dikekalkan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, perkhidmatan pemindahan dana akan tersedia ada bagi pemindahan dana ke Akaun Pelanggan sendiri atau akaun-akaun pihak ketiga dengan bank-bank tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.
- (e) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan pemindahan dana di mana bank penerima kepada mana pemindahan dana itu dibuat telah menunda, menolak, enggan atau selainnya tidak dapat menerima pemindahan dana tersebut. Apabila pihak Bank mengetahui tentang kegagalan tersebut, pihak Bank akan

segera atau dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memaklumkan kepada Pelanggan mengenai kelewatan, penolakan, keengganan atau sebaliknya ketidakterimaan pemindahan dana tersebut.

- (f) Bagi Pelanggan yang mempunyai akses Standard ke Maybank2u Biz, perkhidmatan pemindahan dana hanya terpakai berkaitan dengan akaun-akaun Pelanggan dan akaun pihak ketiga (samada dengan Bank atau mana-mana bank yang lain) yang dipilih sebagai "favourite" di dalam Borang Permohonan. Jumlah maksima akaun "favourite" yang boleh dipilih untuk jenis-jenis pemindahan dana tersebut (contohnya, pihak ketiga, antara bank dan FTT) adalah seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan atau sepertimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan kepada senarai favourite Pelanggan hendaklah dilakukan melalui penghantaran Borang Permohonan yang baru ke Bank oleh Pelanggan yang membutuhkan maklumat berkenaan dengan perubahan tersebut. Walaubagaimanapun, tiada lagi perubahan boleh dilakukan terhadap senarai 'favourite' Pelanggan yang mempunyai akses Standard, selepas 31 March 2016

11. PENYATA-e

- (a) Perkhidmatan Penyata elektronik ("Penyata – e") membolehkan Pelanggan melihat, menyimpan dan mencetak dalam format PDF atau format yang lain sebagaimana yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (b) "Penyata e" adalah versi elektronik bagi penyata kertas yang berkaitan Akaun yang dihantar atau disediakan kepada Pelanggan oleh Bank melalui Maybank2u Biz dalam bentuk yang sama atau separa sama kepada versi kertas penyata tersebut dan/atau di dalam bentuk ringkasan (sepertimana yang berkenaan).
- (c) Tanpa mengambilkira (b) di atas, Pelanggan faham bahawa pihak Bank tidak akan menyediakan penyata-e dalam bentuk penyata Akaun kepada Pelanggan, yang dahulunya tidak menerima penyata kertas di bawah peraturan berkenaan Akaun tersebut.
- (d) Penyata-e bagi Akaun akan disediakan kepada Pelanggan mengikut kitaran masa yang ditetapkan (jika ada) atau dari semasa ke semasa mengikut budi bicara pihak Bank, melalui perkhidmatan Penyata-e apabila Pelanggan menggunakan Maybank2u Biz. Contohnya, sekiranya kitaran penyata adalah bulanan, Penyata-e akan disediakan bagi bulan tersebut dan dua (2) bulan yang terdahulunya di mana Pelanggan telah mendaftar untuk perkhidmatan tersebut. Bagi Penyata-e tanpa kitaran yang tetap pula, ketersediaannya adalah seperti yang ditetapkan oleh bank.

- (e) Pelanggan memerlukan Adobe Acrobat Reader versi 7.0 atau versi terkini untuk melihat, mencetak, dan/atau menyimpan Penyata-e mereka dalam bentuk PDF

12. KERAHSIAAN

- (a) Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan dan pengguna-penggunanya akan bertanggungjawab keatas kerahsiaan dan penggunaan Nombor Kod, PIN dan/atau Kata Laluan setiap penggunanya (selepas ini dirujuk sebagai "Kod Akses") dan tertakluk kepada Fasal 3 (j), Pelanggan atau pengguna-penggunanya tidak akan, pada bila-bila masa dan di dalam apa jua keadaan, berkongsi, memberitahu atau mendedahkan Kod Akses tersebut kepada sesiapaupun termasuklah pekerja-pekerja Bank.
- (b) Pelanggan dan pengguna-penggunanya akan mematuhi semua langkah-langkah keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Bank berkenaan dengan Kod Akses tersebut atau secara umumnya berkaitan dengan penggunaan Maybank2u Biz.
- (c) Jika Pelanggan atau pengguna-penggunanya mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai yang sebarang Kod Akses telah disalahgunakan dan/atau dikompromi oleh pendedahan, penzahiran atau apa cara sekalipun, Pelanggan mesti memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera.
- (d) Jika Pelanggan dan pengguna-penggunanya menerima data dan maklumat melalui Maybank2u Biz, yang mana ianya tidak ditujukan kepada Pelanggan, Pelanggan bersetuju untuk memadamkan segala maklumat tersebut dari sistem komputer atau apa-apa peranti lain yang berkenaan dengan segera dan Pelanggan akan memaklumkan kepada pihak Bank secara rasmi dengan apa jua carapun tanpa sebarang penangguhan.

13. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN

- (a) Bank serta setiap sekutu-sekutunya bersetuju untuk tidak mendedahkan kepada pihak ketiga sebarang maklumat kewangan atau maklumat berkaitan hal-ehwal atau akaun Pelanggan yang telah diberikan oleh Pelanggan atau yang pihak Bank atau sekutu-sekutunya telah memperolehi mengenai Akaun atau transaksi-transaksi dibawahnya, kecuali:
- (i) untuk memenuhi perintah atau permintaan oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia dibawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan dan pendakwaan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- (ii) diperlukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dibawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1976 bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat berkenaan perkiraan atau perjanjian

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

- percukaiaan yang berkuatkuasa dibawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967
- (iii) berhubung dengan pelaksanaan mana-mana tugas penyeliaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di luar Malaysia yang melaksanakan fungsi berpadanan dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
 - (iv) berhubung dengan penjalanan fungsi berpusat, termasuk audit, risiko, pengurusan, kewangan atau teknologi maklumat atau apa-apa fungsi berpusat lain dalam kumpulan syarikat Bank (jika berkenaan)
 - (v) berhubung dengan latihan usaha wajar (due diligence exercise) yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank berhubung dengan penggabungan dan pengambilalihan, usaha meningkatkan modal atau penjualan aset atau keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan.
 - (vi) bagi pelaksanaan fungsi Bank yang telah disumberluarkan
 - (vii) diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi
 - (viii) kepada entiti lain dalam kumpulan syarikat Bank yang sedia ada sekarang atau pada masa depan, yang memiliki atau dimiliki atau di bawah pemilikan bersama, sama ada secara langsung atau tidak langsung atau mengawal, dikawal atau di bawah kawalan bersama dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Kumpulan Maybank") bagi tujuan jualan silang produk dan perkhidmatan, melainkan Pelanggan telah membantah atau telah menarik diri daripada pendedahan sedemikian.
 - (ix) untuk menawarkan produk dan perkhidmatan lain sekutu Bank dan lain-lain pembekal perkhidmatan pihak ketiga di mana Pelanggan telah bersetuju akannya; atau
 - (x) dengan kebenaran bertulis dari Pelanggan.
- (b) Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, Pelanggan memahami bahawa Bank hendaklah menggunakan usaha terbaik untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan Maybank2u Biz adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, dan Bank tidak menjamin keselamatan sebarang maklumat yang dihantar atau diterima oleh Pelanggan dengan menggunakan Maybank2u Biz.

14. HAD LIABILITI

- (a) Pelanggan mengakui bahawa Bank dan sekutunya tidak memberikan jaminan dalam apa jua bentuk berkenaan dengan Maybank2u Biz, sama ada secara nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Kumpulan Maybank dan sekutunya secara nyata menafikan liabiliti berkenaan dengan sebarang kelewatan, kegagalan atau kesilapan dalam penggunaan Maybank2u Biz oleh Pelanggan. Tiada maklumat atau nasihat lisan atau bertulis yang diberikan oleh pihak Bank, sekutunya atau pekerja-pekerja Bank akan mewujudkan jaminan atau dengan apa cara sekalipun menambah skop jaminan ini, dan Pelanggan tidak boleh bergantung kepada apa-apa maklumat atau nasihat tersebut.
- (b) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dengan nyata di dalam terma dan syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan), pihak Bank tidak akan, dalam apa-apa keadaan pun bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan keuntungan, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan atau mana-mana kehilangan berbangkit, khas, sampingan, tidak langsung, berbentuk teladan atau punitif lain yang dialami oleh Pelanggan disebabkan apa-apa kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan atau pelanggaran mana-mana kewajipan Bank sama ada yang timbul daripada apa-apa kecuaihan, pelanggaran terma dan syarat di dalam ini atau walau bagaimanapun jua dan / atau timbul daripada tindakan atau peninggalan pihak Bank atau mana-mana pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank.
- (c) Disebabkan sifat Perkhidmatan Perbankan Online Maybank2u, dan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan ke atas data, perisian, peralatan, akses rangkaian atau peralatan lain yang digunakan untuk mengakses

Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

15. HAK MILIK DAN HAK HARTA INTELEK

- (a) Pelanggan mengakui bahawa semua hak milik dan hak harta intelek dalam Maybank2u Biz dan Perkhidmatan Perbankan yang disediakan di bawahnya adalah dimiliki oleh Bank atau, di mana berkenaan, oleh sekutunya, pada setiap masa.
- (b) Selain daripada maklumat yang berkaitan dengan Akaun dan Bil Pelanggan, semua kandungan yang terdapat di dalam Maybank2u Biz (termasuk pengaturannya) adalah hakmilik Bank atau Syarikat Penerima Bayaran yang berkaitan atau pihak ketiga dan dilindungi oleh hak cipta, hak cap dagangan, atau lain-lain hak intelektual dan hak milik.
- (c) Penggunaan Maybank2u Biz atau mana-mana Perkhidmatan Perbankan oleh Pelanggan tidak memberikan Pelanggan lesen atau hak untuk menggunakan apa-apa cap dagang, cap perkhidmatan, hak cipta, paten atau apa-apa hak harta intelektual lain Maybank2u Biz atau mana-mana Perkhidmatan Perbankan yang dibekalkan di sini, sama ada terlindung secara rasmi, dipohon atau sebaliknya, tanpa kelulusan bertulis daripada Bank. Di samping itu, penggunaan Maybank2u Biz oleh Pelanggan tidak memberikan Pelanggan lesen atau hak untuk menggunakan mana-mana cap dagang pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis yang nyata daripada pihak ketiga yang mempunyai hak untuk cap dagangan tersebut.

16. YURAN DAN CAJ

- (a) Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank akan, tertakluk kepada pemberian dua puluh satu (21) hari notis terdahulu kepada Pelanggan, berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan atau yuran transaksi dan/atau memindanya dari semasa ke semasa berkenaan dengan penggunaan atau akses Pelanggan kepada Maybank2u Biz atau mana-mana bahagiannya.
- (b) Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan dalam membolehkan Pelanggan untuk mengakses dan/atau menyambung ke Maybank2u Biz. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan Rangkaian.
- (c) Tertakluk kepada Terma Akaun Pelanggan, Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank menyimpan hak untuk mendebit Akaun Pelanggan yang berkenaan untuk apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Fasal 16 (a) dan (b) di dalam ini dan untuk sebarang caj Kerajaan, duti setem atau cukai yang perlu dibayar akibat daripada penggunaan Maybank2u Biz.

17. KEGUNAAN ANTARABANGSA

- (a) Penggunaan Maybank2u Biz di luar Malaysia adalah tertakluk kepada peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration, FEA) atau mana-mana keperluan kawalan fiskal atau pertukaran yang beroperasi di negara dimana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta; serta undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.
- (b) Jumlah maksimum transaksi dan tujuan mana ianya dilaksanakan mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.
- (c) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan menggunakan Maybank2u Biz di atas inisiatif Pelanggan sendiri dan Pelanggan bertanggungjawab bagi pematuhan Pelanggan dengan undang-undang tempatan.

18. UMUM

- (a) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menyemak semua notifikasi, penyata (termasuk Penyata-e) dan rekod Arahan, komunikasi, operasi atau transaksi Bank yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau diberi efek melalui Maybank2u Biz (sebagaimana di diakses dan digunakan melalui mana-mana Kata Laluan dan Nama Pengguna Pelanggan dan pengguna-penggunanya) dari semasa ke semasa dan dengan secara kerap dan Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta dan tanpa sebarang kelewatan yang di dalam apa-apa kes. tidak melebihi tiga (30) hari dari tarikh penerimaan notifikasi, penyata dan rekod tersebut, mengenai sebarang kesilapan, ketidakaturan, percanggahan, tuntutan atau perkara atau transaksi yang tidak dibenarkan. Pelanggan mengakui bahawa kegagalan atau kelewatan Pelanggan untuk memaklukkannya dengan serta-merta akan dianggap sebagai perjanjian dan penerimaan muktamad Pelanggan yang segala perkara yang terkandung di dalam notifikasi, penyata dan rekod tersebut adalah benar dan tepat dari segala segi dan akan mengikat Pelanggan untuk apa jua tujuan dan menjadi keterangan muktamad mengenai transaksi dan liabiliti Pelanggan kepada pihak Bank. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa semua rekod tersebut boleh diterima sebagai keterangan dan bahawa Pelanggan tidak akan mencabar atau mempertikaikan kebolehterimaan, kebolehpercayaan, ketepatan atau keaslian kandungan rekod tersebut sekadar atas dasar bahawa rekod tersebut telah digabungkan dan/atau dinyatakan di dalam bentuk elektronik atau dihasilkan oleh atau merupakan output sistem komputer, dan

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

- dengan ini mengeneppikan sebarang hak Pelanggan (jika ada) untuk membantah kepadanya.
- (b) Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk memerlukan Pelanggan mengekalkan baki minimum pada satu-satu masa dalam Akaun Pelanggan. Kegagalan Pelanggan untuk mengekalkan baki minimum yang ditetapkan oleh pihak Bank mungkin mengikut budi bicara pihak Bank menyebabkan penalti dikenakan terhadap Pelanggan atau menyebabkan penggantungan atau penamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u Pelanggan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 19.
 - (c) Mana-mana Arahan yang dihantar oleh Pelanggan selepas waktu penutupan berkenaan bagi mana-mana hari akan di poskan di dalam buku dan rekod Bank pada atau untuk hari bekerja yang berikutnya selepas tarikh Arahan.
 - (d) Pelanggan tidak berhak menggunakan Maybank2u Biz, jika wujud sebarang halangan apa juaupun berkaitan dengan Akaun Pelanggan atau Akaun Pihak Ketiga sama ada dikenakan oleh pihak Bank atau oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.
 - (e) Penyediaan kiosk Maybank2u dan semua peranti dan/atau terminal computer (Barangan) yang tersedia untuk penggunaan Pelanggan di cawangan-cawangan kami adalah khas untuk kegunaan dan akses Pelanggan kepada Maybank2u Biz sahaja dan Pelanggan tidak boleh menggunakan Barangan tersebut untuk atau berkaitan dengan tujuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 19. PENGANTUNGAN ATAU PENAMATAN**
- (a) Walau apapun di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, menggantung atau menamatkan hak Akses Pelanggan kepada Maybank2u Biz atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana medium ia ditawarkan dibawah, untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran mana-mana terma di dalam ini, undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Maybank2u Biz dan pengguna-pengguna lainnya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.
 - (b) Pihak Bank akan secara automatik menamatkan hak akses Pelanggan kepada Maybank2u Biz atau untuk mana-mana medium dibawah mana ianya disediakan (sepertimana yang berkenaan), sekiranya Pelanggan berhenti mengekalkan mana-mana Akaun dengan pihak Bank yang boleh diakses melalui Maybank2u Biz atau mediumnya yang berkenaan atau sekiranya akses Pelanggan ke Akaun tersebut dihadkan oleh pihak Bank atau mana-mana pihak lain untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran mana-mana terma di dalam ini, atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Maybank2u Biz dan pengguna-pengguna lainnya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.
 - (c) Sekiranya mana-mana pengguna Pelanggan tidak log masuk ke Maybank2u Biz untuk tempoh berterusan selama enam (6) bulan, akses Maybank2u Biz pengguna tersebut akan dianggap sebagai tidak aktif dan seterusnya, sekiranya ia kekal terbiar untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh akhir log masuk oleh pengguna tersebut, akses ke Maybank2u pengguna Pelanggan tersebut akan secara automatik dinyahaktifkan.
 - (d) Pelanggan boleh menamatkan Maybank2u Biz dengan memberikan surat penamatan yang dilaksanakan dengan sempurna yang memperincikan semua butiran yang berkaitan dengan aksesnya dan penggunaannya kepada Maybank2u Biz berserta dengan mandat, resolusi pekeliling atau minit mesyuarat (jika berkenaan) yang membenarkan penamatan tersebut. Langganan Pelanggan kepada Maybank2u Biz akan dibatalkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan semua surat dan dokumen yang dilaksanakan dengan sempurna seperti di atas oleh Bank dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana arahan Pelanggan yang diterima dari mana-mana penggunaannya pada mana-mana hari yang jatuh selepas penerimaan notis penamatan Pelanggan.
 - (e) Kecuali dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di atas, pihak Bank menyimpan hak untuk menamatkan langganan Pelanggan atau akses pengguna-penggunaannya kepada Maybank2u Biz yang disediakan oleh pihak Bank dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.
 - (f) Pelanggan mengakui bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan berkenaan dengan Arahan yang telah diberikan kepada dan/atau diproses oleh pihak Bank bagi pihak Pelanggan.
- 20. INDEMNITI**
- (a) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung rugi serta melindungi pihak Bank sepenuhnya daripada dan terhadap sebarang dam semua tuntutan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang yuran guaman) yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung atau yang mungkin timbul daripada:

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

- (i) kemungkiran atau pelanggaran Pelanggan atau mana-mana penggunaannya akan Terma dan Syarat ini atau mana-mana hak pihak ketiga;
 - (ii) penggunaan Maybank2u Biz oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaannya atau sesiapa yang berpura sebagai mereka;
 - (iii) tindakan penipuan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya;
 - (iv) pendedahan Kod Akses yang dibuat oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaannya, kepada mana-mana orang lain atau dalam mana-mana e-mel atau di laman web lain;
 - (v) kegagalan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya untuk mengambil langkah munasabah untuk mengekalkan kerahsiaan dan/atau keselamatan Kod Akses tersebut pada setiap masa; atau
 - (vi) kegagalan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya untuk melaporkan sebarang pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut secepat mana yang mungkin setelah menyedari akan pelanggaran atau kehilangannya.
 - (vii) Bank melaksanakan mandat yang diberikan oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaannya;
 - (viii) Bank melaksanakan Arahan yang diberikan oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaannya melalui mana-mana Kod Akses mereka;
 - (ix) Bank menguatkuasakan haknya terhadap Pelanggan; atau
 - (x) Bank mematuhi mana-mana penghakiman mahkamah atau mana-mana perintah mahkamah, atau mana-mana dekri atau direktif atau arahan sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak yang dikeluarkan oleh mana-mana entiti badan tribunal atau pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah, yang timbul daripada apa-apa tindakan mahkamah atau prosiding mahkamah atau dari mana-mana prosiding lain, tindakan atau tuntutan yang selain daripada mahkamah dan yang terpakai kepada atau diarahkan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan tersebut.
- (b) Liabiliti dan kewajipan Pelanggan untuk menanggung rugi seperti yang dinyatakan di atas bagaimanapun tidak terpakai setakat mana ianya timbul daripada:
- (i) kegagalan Kumpulan Maybank untuk memberitahu Pelanggan tentang tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Kod Akses penggunaannya, dan juga tanggungjawab Pelanggan untuk segera memaklumkan Kumpulan Maybank sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau komprominya;
 - (ii) Kegagalan Kumpulan Maybank untuk menyediakan Pelanggan dengan cara-cara yang mencukupi untuk memberitahu Maybank mengenai apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau dipertikaikan;
 - (iii) kerosakan teknikal atau kekurangan terbukti di dalam sistem dan peralatan yang di bawah kawalan penuh Bank;
 - (iv) kekurangan atau pendedahan terbukti di dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;
 - (v) transaksi yang berlaku selepas pihak Bank telah dimaklumkan oleh Pelanggan tentang transaksi yang berlaku tanpa kebenaran atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang Kod Akses penggunaannya dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya sendiri;
 - (vi) transaksi yang berlaku sejurus sebelum Bank dimaklumkan oleh Pelanggan tentang sebarang transaksi yang tidak dibenarkan atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang Kod Akses mana-mana penggunaannya dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya sendiri (atau perbuatan atau peninggalan orang atau entiti di bawah kawalannya) dan pemberitahuan itu dibuat serta-merta dan tanpa kelewatan; dan
 - (vii) transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan atau penggunaannya menerima Kod Akses berkenaan dengan transaksi tersebut; atau
 - (viii) dimana berkenaan, Kod Akses yang palsu, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat bahawa ianya tidak disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaannya sendiri atau perbuatan atau peninggalan orang atau entiti di bawah kawalannya.

21. NOTIS

- (a) Pelanggan dengan ini memberi kebenaran yang segala notis atau komunikasi yang berkaitan dengan Maybank2u Biz atau Pelanggan yang dikehendaki dibawah Terma dan Syarat di dalam ini atau mungkin diberikan oleh pihak Bank, diberi di dalam salah satu cara-cara yang berikut:
- (i) Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap diterima dua (2) hari selepas pengeposan.

- (ii) Melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan di dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap diterima dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran.
 - (iii) Dengan dipaparkan pada premis Bank dan notis tersebut akan dianggap berkesan melalui pemaparan tersebut.
 - (iv) Dengan cara iklan yang dibuat sekali di dalam mana-mana akhbar nasional dan pemberitahuan itu akan dianggap berkuatkuasa pada tarikh penyiaran iklan tersebut dalam mana-mana akhbar tersebut.
 - (v) Dengan memasukkan notis dalam Penyata Akaun Bank kepada Pelanggan dan notis tersebut akan dianggap berkuatkuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis yang terkandung di dalam Penyata Akaun tersebut kepada Pelanggan.
 - (vi) Pemaparan mesej di laman web Maybank2u.com.
 - (vii) Melalui notis kepada Pelanggan dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
- (b) Semua notis kepada pihak Bank berkenaan dengan Maybank2u Biz dan semua Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar kepada Bank pada alamat yang tertera seperti berikut atau dalam apa-apa cara lain sepertimana yang pihak Bank mungkin memaklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa:

Malayan Banking Berhad
Service Fulfilment Unit
Virtual Banking & Payment
Maybank Group Customer Care
Lot 12 Jalan Astaka U8/84
Seksyen U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

No. Telefon: 1300-88-6688
No. Telefon Luar Negara: +603-78443696
No. Faks: 1300-88-8899
Alamat E-mel: mgcc@maybank.com.my

22. FORCE MAJEURE

- (a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau kepada mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, kerosakan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik jika pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah ini atau menyediakan apa-apa perkhidmatan akibat Force Majeure.

23. KEBOLEHASINGAN DAN PENEPIAN

- (a) Jika mana-mana Terma dan Syarat didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ianya akan tidak mempunyai efek hanya untuk bahagian-bahagian yang menyalahi undang-undang atau dilarang tersebut. Terma dan Syarat lain tidak akan terjejas.
- (b) Sebarang penepian atau kelonggaran yang diberikan tidak akan menghalang pihak Bank daripada menguatkuasakan bahagian-bahagian yang lain di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau hak-hak lain; atau memerlukan pihak Bank untuk memberikan kelonggaran selanjutnya. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

24. VARIASI

- (a) Pelanggan mengakui bahawa, (antara lain), untuk memastikan penyediaan Maybank2u Biz yang lancar dan efisien dan/atau untuk meningkatkan perkhidmatan Maybank2u Biz, pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk membuat pindaan dan pengubahsuaian yang difikirkannya perlu kepada:
- (i) prosedur dan proses berkaitan dengan Maybank2u Biz (iaitu prosedur untuk pendaftaran kepada Maybank2u Biz, pendaftaran dan pengaktifan pengguna, dan lain-lain); dan
 - (ii) nama-nama dagang atau perkhidmatan yang digunakan berhubung dengan Maybank2u Biz sebagaimana yang dirujuk di dalam Terma dan Syarat ini. Walau apa pun yang dinyatakan di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sementara menunggu perubahan tersebut dilakukan kepada Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat tersebut akan terus terpakai kepada Maybank2u Biz, di mana prosedur dan proses yang dipinda atau diubahsuai dan/atau mana-mana nama dagang atau nama perkhidmatan baru akan disifatkan sebagai menggantikan prosedur dan proses dan/atau nama dagangan atau perkhidmatan yang sebelumnya.

25. PERTIKAIAN DAN PERTANYAAN

- (a) Jika Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujukannya kepada meja bantuan kami di 1-300-88-6688 atau + 603-7844 3696 (jika Pelanggan berada di luar negara). Di samping itu, Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak Polisi Privasi, Penyata Keselamatan serta Piagam Pelanggan kami, di laman web ini.
- (b) Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan dan/atau pertikaian yang timbul daripada Maybank2u Biz dan Terma dan Syarat di dalam ini, sila rujukannya kepada pihak Bank di

MAYBANK2U BIZ TERMS AND CONDITIONS

alamat yang dinyatakan dalam Fasal 21 (b) di atas.

- (c) Pelanggan harus menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian Pelanggan dan segala butiran atau maklumat lain sebagaimana yang diperlukan oleh pihak Bank dan aduan dan/atau pertikaian tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur Bank berkenaan dengan penyelesaian aduan dan pertikaian.
- (d) Berhubung dengan perkhidmatan pembayaran Bil, dimana pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian adalah hasil kesilapan, tindakan atau peninggalan Syarikat Penerima Bayaran, perkara tersebut akan dimaklumkan kepada Syarikat Penerima Bayaran yang berkenaan tersebut dimana segala pertanyaan, aduan dan pertikaian hendaklah diselesaikan di antara Syarikat Penerima Bayaran dan Pelanggan. Peranan pihak Bank berhubung dengannya terhad kepada penyediaan maklumat yang berkenaan sahaja.
- (e) Pelanggan berakujanji bahawa apa-apa aduan dan/atau pertikaian yang dibuat oleh Pelanggan adalah benar dan sah dan Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan akan bertanggungjawab kepada pihak Bank berhubung dengan aduan atau tuntutan palsu atau penipuan.

26. UNDANG-UNDANG DAN BIDANGKUASA

- (a) Terma dan Syarat ini akan dikawal selia oleh Undang-undang Malaysia dan Pelanggan dengan ini memersetujui dan mengakui kepada bidang kuasa dan tempat mahkamah di Malaysia eksklusif bagi semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Maybank2u Biz. Di atas adalah terpakai tanpa mengira lokasi akses Pelanggan dan/atau mana-mana penggunaannya.